



ZULKARMA dijatuhi hukuman penjara satu tahun di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, semalam.

## Bekas kerani pecah amanah RM20,864 dipenjarakan setahun

**Kuala Terengganu:** Seorang bekas kerani yang hamil tiga bulan dijatuhi hukuman penjara setahun di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu semalam kerana melakukan pecah amanah jenayah membabitkan kerugian RM20,864 di sebuah firma guaman di daerah ini.

Hakim Noorah Osman membuat keputusan itu selepas tertuduh, Zulkarma Zon, 37, mengaku salah terhadap pertuduhan berkenaan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh yang ketika itu bekerja sebagai kerani di firma berkenaan diamanahkan mengendalikan dokumentasi jual beli hartanah pelanggan melakukan pe-

cah amanah jenayah di Firma Guaman Tetuan Fariz, Halim & Co di Jalan Sultan Omar di sini antara Julai hingga Ogos 2019.

Tertuduh yang mula bekerja di firma berkenaan sejak 2007 mengutip wang pelanggan yang berurusan dengan firma tanpa kebenaran firma berkenaan berjumlah RM20,864.

Tertuduh yang didakwa mengikut Seksyen 408 Kanun Keseksaan berdepan hukuman penjara sehingga 14 tahun dan sebat dan boleh didenda, jika sabit kesalahan.

Sejurus pengakuan bersalah tertuduh yang juga ibu kepada empat anak itu direkodkan, mahkamah menjatuhkan hukuman penjara satu tahun.